



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 24 Februari 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>8 Beranak Hidup Daif, Harap Bantuan Bulanan RM500 JKM [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/938988/8-beranak-hidup-daif-harap-bantuan-bulanan-rm500-jkm-</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068085/nasi-berlaukkan-telur-masin-menu-tetap-lapan-beranak</p> <p>https://my-tv.online/2023/02/23/nasi-berlaukkan-telur-masin-menu-tetap-lapan-beranak/</p> <p>https://zupload.facebook.com/bhonline/posts/10160832908855600</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=fImgNUtA4k4</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>My TV Online</p> <p>Zupload</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

<p>2</p>	<p>Remaja Curi Tabung Surau Diarah Dihantar Ke Sekolah Henry Gurney</p> <p>https://selangorkini.my/2023/02/remaja-curi-tabung-masjid-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/656163</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2167049</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/23/remaja-kena-mandi-jenazah-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/939059/remaja-tular-dimandikan-seperti-jenazah-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>FMT</p> <p>Harian Metro</p>	<p>Neutral</p>
<p>3</p>	<p>Remaja 15 Tahun Mengaku Rogol Adik Kandung Sehingga Lahirkan Anak</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/23/remaja-15-tahun-mengaku-rogol-adik-kandung-sehingga-lahirkan-anak/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/23/remaja-15-tahun-mengaku-rogol-adik-kandung-sehingga-lahirkan-anak</p> <p>https://gempak.com/berita-terkini/remaja-usia-15-tahun-mengaku-rogol-adik-hingga-bersalin-di-rumah-sendiri-dengan-bayi-berada-dalam-besen-79624</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-15-tahun-mengaku-bersalah-rogol-adik-kandung-hingga-lahirkan-anak-407838</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938937/abang-didakwa-rogol-adik-hingga-lahirkan-anak-metroty</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1068076/remaja-mengaku-salah-rogol-adik-usia-14-tahun-hingga-lahirkan-anak</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Gempak</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Negatif</p>

	<p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/remaja-rogol-adik-kandung-sehingga-melahirkan-anak/</p> <p>https://ohbulan.com/remaja-15-tahun-rogol-adik-sampai-lahirkan-anak</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=fmQsaBdTEto</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/23/rogol-adik-kandung-hingga-lahirkan-anak-remaja-15-tahun-mengaku-salah/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/57934-remaja-rogol-adik-kandung-sehingga-melahirkan-anak</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2167009</p> <p>https://www.melakahariini.my/remaja-15-tahun-mengaku-rogol-adik-kandung-sehingga-lahirkan-anak/</p> <p>https://mediavariasi.com/2023/02/abang-sanggup-rogol-adik-kandung-hingga-lahirkan-anak/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/02/remaja-15-tahun-rogol-adik-hingga-lahirkan-anak/</p>	<p>Utusan</p> <p>Oh Bulan</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Media Variasi</p> <p>Edisi 9</p>	
4	<p>Remaja 17 Dan 14 Tahun Dituduh Rogol Kanak-Kanak</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068109/remaja-17-dan-14-tahun-dituduh-rogol-kanak-kanak</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/empat-lelaki-termasuk-dua-remaja-didakwa-rogol-kanak-kanak-perempuan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938986/empat-termasuk-remaja-bawah-umur-dituduh-rogol-kanak-kanak-metroty</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/empat-lelaki-termasuk-dua-juvana-didakwa-rogol-kanak-kanak-12-tahun-2010932</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p>	Negatif

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=GNnPaZIDoqo</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=0XIfSsY_Zaw</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=qRsfX9Sjx3Y</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246621/berita/semasa/empat-didakwa-rogol-budak-12-tahun</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Media Mulia</p> <p>Sinar Harian</p>	
5	<p>Kanak-Kanak Tergelincir Ke Dalam Sungai Ditemui Lemas</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1068147/kanak-kanak-tergelincir-ke-dalam-sungai-ditemui-lemas</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-jatuh-sungai-ketika-bermain-ditemui-maut/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/57938-kanak-kanak-terjatuh-di-sungai-sabang-ditemukan-lemas</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/02/23/kanak-kanak-terjatuh-dalam-sungai-ditemui-lemas-pada-hari-ke-2-sar/</p> <p>https://sarawakvoice.com/2023/02/23/kanak-kanak-8-tahun-hilang-dipercayai-jatuh-ke-sungai/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Sarawak Voice</p>	Neutral
6	<p>Buruh Dicekup Cabul Anak Kandung</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/23/buruh-dicekup-cabul-anak-kandung/</p>	<p>Kosmo</p>	Negatif
7	<p>Gas Memasak Bocor, Wanita Melecur 60 Peratus</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/gas-memasak-bocor-wanita-melecur-60-peratus/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246607/berita/semasa/tong-gas-meletup-wanita-melecur-hampir-seluruh-badan</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/938956/wanita-melecur-60-peratus-disambar-api-akibat-kebocoran-gas</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/02/23/wanita-melecur-badan-muka-tong-gas-meletup/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/02/23/wanita-parah-akibat-letupan-gas-memasak/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/tong-gas-meletup-wanita-melecur-badan-muka/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tong-gas-memasak-meletup-wanita-melecur-pada-muka-dan-badan-407844</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	
8	<p>Warga Emas Maut Dihempap Pokok Kelapa</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939142/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/246674/berita/s-emas/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1068338/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/02/23/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa/</p> <p>https://www.malay.news/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa/</p> <p>https://satuberita.my/index.php/2023/02/23/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa/</p> <p>https://headtopics.com/my/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa-35781752</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Warta Rakyat</p> <p>Malay News</p> <p>Satu Berita</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
9	<p>Warga Emas Maut, Motosikal Rempuh Treler Bawa Serbuk Kimia</p>		Neutral

	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-motosikal-rempuh-treler-bawa-serbuk-kimia-407922	Astro Awani	
10	<p>Tukang Jahit OKU Terima Banyak Tempahan Menjelang Syawal</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/tukang-jahit-oku-terima-banyak-tempahan-menjelang-syawal/</p>	Utusan	Positif

8 BERANAK HIDUP DAIF, HARAP BANTUAN BULANAN RM500 JKM [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/938988/8-beranak-hidup-daif-harap-bantuan-bulanan-rm500-jkm->

Sumber : Harian Metro



Kota Bharu: Lapan beranak dari Kampung Permatang Pusu, Melor di sini, hanya mengharapkan wang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sahaja untuk kelangsungan hidup.

Bantuan bulanan RM500 itu digunakan sebaiknya oleh ketua keluarga yang uzur, Hassan Yaakob, 78, untuk kegunaannya serta isteri dan enam anak walaupun ada kalanya perlu mengikat perut.

Isterinya, Khadijah Omar, 61, berkata, walaupun semua anaknya yang berusia 19 hingga 40 tahun sudah dewasa namun mereka berdepan masalah pembelajaran, lambat dan tidak bekerja.

"Daripada tujuh anak, seorang sudah berkahwin dan tinggal di Pasir Mas. Hanya dia seorang yang bekerja iaitu sebagai tukang kebun sekolah.

"Lima daripada tujuh anak kecikiran pelajaran. Dua pula bersekolah di sekolah pendidikan khas iaitu Mohd Najib Hassan, berumur 21 tahun dan menamatkan persekolahan tahun lalu.

"Anak bongsu, Nur Nazirah Ayuni Hassan, berusia 19 tahun, masih bersekolah," katanya ditemui di rumahnya hari ini.

Menurut Khadijah, enam anak yang menetap dengan mereka masih bujang serta tidak bekerja kerana selain kurang bergaul, mereka juga tiada kenderaan jika ditawarkan kerja.

Kenderaan yang ada hanya sebuah basikal yang digunakan Khadijah gunakan untuk ke kedai runcit atau pasar.

Kata Khadijah, wang bantuan JKM itu digunakan untuk membeli barangan keperluan harian.

"Kami juga mencatu makanan dengan makan hanya sekali atau dua kali sehari selain menyediakan lauk ala kadar.

"Nasi berlaukan telur masin sudah menjadi menu tetap kami jika ketiadaan wang untuk membeli lauk namun kami tetap bersyukur dengan rezeki ini walaupun sekadar telur masin.

"Kami juga membela lapan ekor itik dan ia ditenak sebagai persediaan untuk kegunaan kami jika terputus lauk. Malah, ada juga penduduk kampung yang datang membeli telur," katanya yang tinggal di Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Bantuan boleh disumbang ke akaun Bank Simpanan Nasional di 0300941100050459 atas nama Khadijah binti Omar.

Khadijah berkata, mereka juga dibebani tunggakan bil elektrik yang mencecah RM1,500 dan buntu memikirkan bagaimana harus melangsiaikannya.

Terdahulu, keluarga itu dikunjungi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Cakna Asnaf Kelantan yang diwakili pengerusinya, Fazliyaton Daud yang hadir menyampaikan wang zakat serta bekalan makanan.

Sementara itu, Fazliyaton berkata, pihaknya akan memasukkan keluarga berkenaan dalam senarai penerima tetap bakul makanan yang akan menerima bantuan itu setiap bulan selain cuba menyelesaikan masalah tunggakan bil elektrik.

REMAJA CURI TABUNG SURAU DIARAH DIHANTAR KE SEKOLAH HENRY GURNEY

<https://selangorkini.my/2023/02/remaja-curi-tabung-masjid-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney/>

Sumber : Selangor Kini

KUALA LUMPUR, 23 FEB: Seorang remaja lelaki yang sebelum ini tular dalam media sosial kerana dimandikan seperti jenazah akibat cuba mencuri tabung masjid, diperintah dihantar ke Sekolah Henry Gurney oleh Mahkamah Majistret Selayang selepas dia mengaku salah mencuri wang tabung surau, tahun lepas.

Majistret Nur Hafizah Rajuni membuat keputusan itu semalam selepas meneliti laporan sosial dikemukakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terhadap Daniel Iskandar, 20, yang mengaku bersalah atas pertuduhan itu.

“Tertuduh merupakan pesalah muda. Oleh itu, memerintahkan tertuduh dihantar ke Sekolah Henry Gurney sehingga mencapai umur 21 tahun,” katanya.

Mahkamah turut memerintahkan remaja itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka bermula semalam.

Mengikut pertuduhan, Daniel didakwa mencuri wang RM74 daripada tabung milik surau Al Munir Batu 17 Kuang, Rawang pada 12.44 tengah hari 5 Dis 2022, mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 10 tahun dan boleh dikenakan denda.

Bagi kesalahan kali kedua atau seterusnya, tertuduh hendaklah dihukum penjara dan boleh dikenakan denda atau sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh agar tidak melakukan kesalahan sama.

Peguam Suhaida Mohd Sobri daripada Jabatan Bantuan Guaman, Negeri Selangor yang mewakili Daniel memohon hukuman ringan dengan mengambil kira laporan sosial yang dibacakan oleh wakil JKM selain anak guamnya merupakan pesalah muda serta telah insaf.

“Sebelum ditangkap, tertuduh bekerja di bengkel kereta dan dijaga oleh datuknya. Ibu bapa anak guam saya telah bercerai dan dia anak sulung daripada tiga beradik yang seorang daripadanya ialah Orang Kurang Upaya (OKU),” kata peguam itu.

Dalam pada itu, pegawai JKM Mohamad Hanafi Sedi memohon supaya Daniel diperintahkan ditahan di sekolah itu sehingga mencapai 21 tahun.

Pada 13 Jan tahun lepas, Daniel dijatuhkan hukuman penjara 10 hari dan didenda RM4,000 oleh Mahkamah Majistret Selayang selepas mengaku bersalah cuba mencuri tabung kepunyaan Masjid Al Islahiah dengan mengheret dan menyorokkan tabung itu di dalam bilik mandi jenazah.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 17 Jan tahun lepas, mengetepikan hukuman penjara dan denda itu terhadap Daniel, menggantikannya dengan perintah menjalani khidmat masyarakat selama 120 jam yang perlu dilaksana dalam tempoh enam bulan, ditumpukan dengan khidmat di masjid-masjid.

REMAJA 15 TAHUN MENGAKU ROGOL ADIK KANDUNG SEHINGGA LAHIRKAN ANAK

<https://malaysiagazette.com/2023/02/23/remaja-15-tahun-mengaku-rogol-adik-kandung-sehingga-lahirkan-anak/>

Sumber : Malaysia Gazette

JELEBU – Seorang remaja lelaki berusia 15 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini atas tuduhan merogol adik kandungnya sehingga melahirkan anak.

Tertuduh membuat pengakuan bagi dua pertuduhan yang dibaca di hadapan Majistret Norshazwani Ishak secara tertutup.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh melakukan persetubuhan dengan adik kandungnya berusia 14 tahun di sebuah rumah di Palong antara 21 Jun 2022 hingga 30 Jun 2022 sekitar 11 malam hingga 12 tengah malam yang perhubungan tersebut tidak dibenarkan di bawah undang-undang atau hukum agama yang terpakai kepada tertuduh untuk berkahwin dengan mangsa.

Bagi pertuduhan kedua, remaja tersebut melakukan perkara yang sama pada 1 Sept 2022 hingga 10 September 2022 sekitar 11 malam hingga 12 tengah malam bersama mangsa di lokasi yang sama.

Kesalahan itu boleh dihukum di bawah Seksyen 376B (1) Kanun Keseksaan dan berdepan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan sebatan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Inspektor Muhammad Nizam Rafii dan tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan wang jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan sehingga kes selesai.

Remaja itu juga perlu tinggal berasingan dengan mangsa dan dilarang menghubungi dan mendekati mangsa.

Sebutan semula kes pada 22 Mac ini bagi laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mengikut fakta kes, pada 16 Februari lepas sekitar 6.08 pagi, pengadu yang merupakan seorang doktor dan petugas Klinik Kesihatan memaklumkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun telah bersalin di sebuah rumah di Felda Palong, Gemas.

Pegawai perubatan ke rumah tersebut mendapati mangsa berada di atas katil di ruang tamu bersama seorang bayi lelaki cukup sifat dalam keadaan uri masih bersambung.

Mangsa dan bayi kemudian dirujuk ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) di Kuala Pilah untuk tindakan lanjut. – Bernama

REMAJA 17 DAN 14 TAHUN DITUDUH ROGOL KANAK-KANAK

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068109/remaja-17-dan-14-tahun-dituduh-rogol-kanak-kanak>

Sumber : Berita Harian

SEREMBAN: Empat lelaki, termasuk dua remaja bawah umur, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, hari ini, atas pertuduhan merogol seorang kanak-kanak perempuan secara berkumpulan, Januari lalu.

Tertuduh, Neo Jing Cong, 23; Wong Chee Keong, 19, serta dua remaja, masing-masing berusia 17 tahun dan 14 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Datin Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, Jin Cong, Chee Keong dan tertuduh juvana berusia 17 tahun bersama-sama secara berkumpulan merogol seorang kanak-kanak berusia 12 tahun 10 bulan.

Kesalahan dilakukan di sebuah bilik di Riverview Hotel, Bahau, dekat Jempol, pada jam kira-kira 1.30 pagi, 24 Januari lalu.

Bagi pertuduhan kedua, Chee Keong dan dua tertuduh juvana, dituduh melakukan kesalahan sama terhadap mangsa sama di sebuah bilik di TH Hotel, Bahau, lebih kurang jam 2 petang, 24 Januari lalu.



Dua remaja bawah umur turut dituduh di Mahkamah Sesyen Seremban hari ini atas pertuduhan merogol kanak-kanak di sebuah hotel di Bahau, Jempol Januari lalu. - Foto NSTP/AZRUL EDHAM

Semua tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 375B Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun.

Timbalan Pendakwa Raya, Goh Hsiao Tung, tidak menawarkan jaminan terhadap semua tertuduh, dengan mengambil kira jenis kesalahan dilakukan dan umur mangsa.

"Jika mahkamah ingin menawarkan jaminan, mohon mahkamah menetapkan jaminan tinggi, dengan syarat tambahan tidak boleh mengganggu mangsa," katanya.

Peguam, Datuk PM Nagarajan, yang mewakili Jin Chong dan Chee Keong, meminta mahkamah mengenakan jaminan paling minimum memandangkan ahli keluarga yang menjamin tertuduh hanya berpendapatan rendah.

Jing Cong bekerja sebagai pembantu kedai pakaian terpakai, manakala Chee Keong sebagai penyelia tapak.

Tertuduh juvana berusia 17 tahun diwakili Datuk Abu Bakar Isa Ramat, manakala juvana berusia 14 tahun tidak diwakili peguam.

Surita kemudiannya menetapkan wang jaminan RM7,000 bagi semua tertuduh, dengan syarat tambahan perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis terdekat dan tidak mengganggu mangsa.

Mahkamah menetapkan 30 Mac depan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen.



Tertuduh Neo Jing Cong, 23, dan Wong Chee Keong, 19, dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban hari ini atas pertuduhan merogol kanak-kanak di sebuah hotel di Bahau, Jempol Januari lalu. - Foto NSTP/AZRUL EDHAM

KANAK-KANAK TERGELINCIR KE DALAM SUNGAI DITEMUI LEMAS

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1068147/kanak-kanak-tergelincir-ke-dalam-sungai-ditemui-lemas>

Sumber : Berita Harian



KUCHING : Kanak-kanak lelaki yang dilaporkan tergelincir dan jatuh ke dalam sungai ketika bermain di tebing Sungai Sabang, di Kampung Tambirat, Asajaya petang semalam ditemui lemas, hari ini.

Mayat mangsa, Mohamad Nudin Irfan Rahman, 8, ditemui oleh orang awam pada jam 11.20 pagi berdekatan tempat dia dikatakan terjatuh.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, berkata mayat mangsa kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Laporan kejadian mangsa terjatuh di tebing sungai itu dibuat pada jam 4.50 petang semalam.

Susulan laporan itu, sepasukan sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Asajaya digerakkan kelokasi.

Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) hari ini tertumpu dalam radius 500 meter dari kawasan mangsa dikatakan terjatuh sebelum mayat berjaya ditemui.

BURUH DICEKUP CABUL ANAK KANDUNG

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/23/buruh-dicekup-cabul-anak-kandung/>

Sumber : Kosmo

JELI – Seorang buruh dicekup selepas disyaki mencabul anak perempuannya di dalam sebuah bilik di rumah mereka di Kampung Legeh, Ayer Lanas, di sini pada Isnin lalu.

Lelaki berusia 46 tahun itu ditahan selepas polis menerima laporan daripada mangsa berhubung kejadian kira-kira pukul 8.30 malam pada hari yang sama.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 10 pagi semasa mangsa yang berusia 20 tahun itu dikatakan terjatuh di dalam biliknya selepas tidak sihat.

Mangsa kemudian dibawa oleh bapanya ke dalam sebuah bilik sebelum lelaki itu bertindak mencabul wanita tersebut.

Ketua Polis Daerah Jeli, Superintendan Saari Yaacob ketika dihubungi Kosmo! mengesahkan kejadian tersebut.

Menurutnya, ujian saringan air kencing mendapati lelaki itu negatif dadah.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul. – KOSMO! ONLINE

GAS MEMASAK BOCOR, WANITA MELECUR 60 PERATUS

<https://www.buletintv3.my/nasional/gas-memasak-bocor-wanita-melecur-60-peratus/>

Sumber : Buletin TV3



BAYAN LEPAS: Wanita melecur 60 peratus akibat disambar api selepas tong gas memasak mengalami kebocoran di tingkat enam Flat Taman Sri Bayu, Jalan Kampung Bukit, di sini, hari ini.

Mangsa berusia 55 tahun itu dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Balik Pulau, Zaiful Arif Mat Ariffin berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 9.18 pagi.

“Ketika tiba di lokasi, didapati berlaku letupan akibat kebocoran gas di unit rumah berkenaan.

“Terdapat penghuni iaitu wanita berusia 55 tahun dan mangsa didapati melecur sehingga 60 peratus pada bahagian muka dan badannya,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Zaiful Arif berkata, bagaimanapun api berjaya dipadamkan orang awam sebelum pasukan penyelamat tiba.

Katanya, difahamkan ketika kejadian, mangsa menyalakan dapur tanpa menyedari tong gas mengalami kebocoran.

“Mangsa dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi mendapatkan rawatan lanjut dan operasi tamat pada jam 10 pagi,” katanya.

Zaiful Arif berkata, difahamkan bahawa wanita terbabit adalah penyewa satu daripada bilik dalam unit rumah itu.

“Mangsa yang berasal dari Gerik, Perak bekerja sebagai pengawal keselamatan dan menghabiskan cuti di rumah itu,” katanya.

WARGA EMAS MAUT DIHEMPAP POKOK KELAPA

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/warga-emas-maut-dihempap-pokok-kelapa/>

Sumber : Utusan



JEMPOL: Seorang wanita warga emas maut selepas dipercayai dihempap pokok kelapa dalam kejadian di Felda Palong 8, di sini, petang tadi.

Ketua Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Seri Jempol, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Mohd. Hazren Mohd. Zahar berkata, sepasukan anggota dari balai bomba tersebut telah berpegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan pada pukul 1 petang.

“Mangsa merupakan seorang wanita warga emas berusia 66 tahun, berdasarkan maklumat dari jiran, mangsa ketika itu sedang menyapu dan membakar sampah di bawah pokok kelapa dan secara tiba-tiba pokok berkenaan tumbang.

“Pasukan bomba mengeluarkan mangsa yang tersepit dengan menggunakan peralatan khas. Mangsa berjaya dikeluarkan namun disahkan meninggal dunia oleh pasukan paramedik yang tiba di lokasi kejadian.

“Mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya dan operasi tamat pada pukul 2.56 petang,” katanya dalam kenyataan hari ini.-[UTUSAN](#).

WARGA EMAS MAUT, MOTOSIKAL REMPUH TRELER BAWA SERBUK KIMIA

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-motosikal-rempuh-treler-bawa-serbuk-kimia-407922>

Sumber : Astro Awani



TAPAH: Seorang warga emas maut selepas motosikal ditunggangnya dipercayai merempuh sebuah treler yang membawa muatan serbuk kimia di Kilometer 62, Jalan Ipoh-Kuala Lumpur, dekat sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendan Wan Azharuddin Wan Ismail berkata, kemalangan berlaku kira-kira jam 4.30 petang ketika treler berkenaan dalam perjalanan dari Tapah menuju ke Kuala Lumpur.

Menurutnya, treler itu dipercayai keluar dari simpang kilang untuk masuk ke Jalan Ipoh-Kuala Lumpur, sebelum dilanggar di bahagian sebelah kiri oleh motosikal mangsa yang dalam perjalanan menuju ke arah sama.

“Dalam kemalangan ini penunggang motosikal, seorang lelaki berumur 60 tahun telah meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurut beliau, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Tapah telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Katanya, orang awam yang mempunyai maklumat mengenai kemalangan itu diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Prathiparaj A/L Punasagaran (014-6178095).

“Pengguna jalan raya diingatkan supaya lebih berhati-hati dan bertimbang rasa semasa memandu kenderaan terutamanya pada musim cuti sekolah ini supaya kemalangan dapat dielakkan,” ujarnya.

TUKANG JAHIT OKU TERIMA BANYAK TEMPAHAN MENJELANG SYAWAL

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/tukang-jahit-oku-terima-banyak-tempahan-menjelang-syawal/>

Sumber : Utusan



MOHD. Alamin Jais menyiapkan tempahan menjahit seluar jeans di gerainya di tingkat atas Hentian Bas MBKT, Kuala Terengganu.- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

KUALA TERENGGANU: Ketibaan Ramadan disusuli Syawal tidak lama lagi sangat dinantikan seorang tukang jahit yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU) kerana rezekinya meningkat tiga kali ganda dalam tempoh tersebut.

Mohd. Alamin Jais, 51, yang cacat kedua-dua belah tangan tiada jari sejak lahir, menawarkan khidmat jahitan di tingkat atas [Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu](#) (MBKT) di sini, sejak 20 tahun lalu.

ADVERTISING

Setiap kali Ramadan dia memperoleh rezeki berganda kerana ramai menghantar seluar jeans untuk diubah suai sama ada dikecilkan, ditampal, dijahit semula kerana koyak atau dipotong kerana labuh.

“Kalau hari biasa macam sekarang, nak dapat seorang pelanggan pun susah tetapi untuk Ramadan, biasanya pelanggan akan datang hingga 10 orang setiap hari.

“Bulan-bulan biasa, pendapatan saya hanya kira-kira RM500, memang tak cukup nak tanggung hidup dengan isteri dan lima anak berusia tujuh tahun hingga 19 tahun.

“Alhamdulillah kerana saya dapat bantuan bulanan sebanyak RM450 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), cukuplah untuk belanja kami sekeluarga dengan amalan berjimat-cermat,” katanya di sini semalam.

Mohd. Alamin yang tinggal di Kampung Belukar Sukai dekat Kepong di sini berkata, dia teruja menantikan kedatangan Ramadan kerana sepanjang bulan mulia itu memberinya ruang memperoleh pendapatan hingga RM100 sehari hasil tempahan jahitan seluar jeans pelanggan.

“Duit itulah yang saya simpan untuk persiapan menyambut Aidilfitri dengan keutamaan diberi kepada anak-anak,” ujarnya.

Bagi meningkatkan lagi kemahiran jahitannya, Mohd. Alamin berkata, dia turut mengikuti pelbagai kursus jangka panjang dan jangka pendek di bengkel JKM di Pulau Kerangga, Marang sejak berusia 19 tahun.

“Saya tidak mahu OKU dianggap sebagai golongan yang lemah dan hanya mengharapkan bantuan dari pihak lain. Sebab itu, saya mencari rezeki sebagai tukang jahit untuk menyara keluarga,” katanya. – [UTUSAN](#)